

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua
Sidang 1990/91

Mac/April 1991

YMP 403 - Penulisan dan Penerbitan Risalah,
Majalah dan Jurnal

Masa: [3 jam]

Jawab EMPAT soalan. (Satu soalan 25%).

1. Tulis satu rencana ringkas (tidak lebih 400 perkataan) mengenai benda apa sahaja yang anda suka.
2. Jika anda ingin terbitkan sebuah majalah bulanan baru dalam bahasa Melayu di Malaysia, apakah perkara yang akan anda pertimbangkan dalam perancangan sebelum memulakan penerbitan itu?
3. Bincangkan perbezaan antara majalah dan akhbar dari segi perancangan, bahan, suntingan, sajian, edaran, dan khalayak pembaca.
4. Seseorang penyunting (editor) majalah perlulah tahu dan patuh akan undang-undang yang berkaitan dengan tugasnya. Nyatakan dan huraikan undang-undang yang perlu diketahui dan dipatuhi oleh penyunting majalah di Malaysia.
5. "Peranan majalah sebagai 'media tatapan waktu selesa' telah diambil alih oleh media siaran, terutama televisyen. Dan kesemarakan media siaran dan teknologi media siaran akan menghapuskan media cetakan, terutama majalah." Bincangkan.

-0000000-